



24 DEC, 2021

Peniaga diingat beretika, patuhi peraturan dan undang-undang ditetapkan kerajaan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Peniaga diingat beretika, patuhi peraturan dan undang-undang ditetapkan kerajaan

KUCHING: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarawak mengingatkan kepada semua peniaga termasuk di bawah Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) agar sentiasa beretika, mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan kerajaan.

Pengarah KPDNHEP Sarawak Datuk Stanley Tan berkata, kerajaan menyeru agar rakyat bersabar dan terus bersama kerajaan dalam waktu sukar yang luar biasa ini yang turut melanda dan memberi kesan kepada rantaian bekalan dunia dan negara.

“Pegawai penguat kuasa KPDNHEP akan terus melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan bagi memastikan bekalan sentiasa stabil dan tiada elemen pencatutan dalam pasaran,” katanya semasa mengadakan walkabout Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di Medan Niaga Satok, Kubah Ria di sini, semalam.

Menurut beliau penganjuran di Kuching itu dilaksanakan menyusuli pelaksanaan PJKM di 177 Parlimen serentak minggu lalu di seluruh negara.



PANTAU: Tan (kiri) memeriksa harga barang semasa lawatan ke Medan Niaga Satok sempena ‘walkabout’ Program Jualan Keluarga Malaysia.

Katanya, pelaksanaan PJKM yang dikendalikan KPDNHEP diadakan sebagai inisiatif kerajaan untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat terutama daripada kalangan berpendapatan rendah.

“Program ini merupakan kerjasama antara KPDNHEP, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) serta agensi-agensi di bawahnya dan rakan-rakan strategik

daripada sektor pemborong dan peruncitan dalam menangani situasi kenaikan harga barangan yang melanda dunia dan Malaysia.

“Program ini juga dirancang untuk dilaksanakan dua kali sebulan untuk tempoh 3 bulan bermula 4 Disember 2021 hingga akhir Mac 2022 merangkumi kesemua 222 kawasan Parlimen di lokasi-lokasi yang akan ditentukan dan diumumkan kelak,” katanya.

Sementara itu PJKM mena-

warkan pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan pelbagai barangan keperluan harian dengan harga sehingga 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran setempat.

Antara barang-barang yang dijual semasa program ini adalah ayam, ikan, telur, sayur-sayuran, minyak masak, gula, tepung, beras dan barangan yang telah diproses.

Manakala agensi kerajaan dan rakan strategik yang terlibat terdiri daripada kalangan pemain industri termasuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

“PJKM diharap dapat menjadi pemangkin kepada masyarakat pengguna untuk merancang pembelian dan membuat pilihan yang bijak bagi mengurangkan bebanan perbelanjaan isi rumah,” katanya.

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut atau penyalaran aduan, orang ramai khususnya boleh lakukan ke talian WhatsApp di 019-279 4317, Portal Aduan; e-aduan. kpdnhep.gov.my atau melalui e-mel ke e-aduan@kpdnhep.gov.my.



24 DEC, 2021

Peniaga diingat beretika, patuhi peraturan dan undang-undang ditetapkan kerajaan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarawak mengingatkan kepada semua peniaga termasuk di bawah Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) agar sentiasa beretika, mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan kerajaan.